

12 SEP 2003

MAHATHIR-JURUBANK/I

KERAJAAN BANYAK BERSANDAR KEPADA BANK, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 12 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Datuk Seri Mahathir Mohamad berkata kerajaan telah banyak bersandarkan kepada institusi kewangan sebelum ini bagi memastikan ekonomi negara diurus dengan betul dan untuk merealisasikan pemulihan ekonomi dalam tempoh yang singkat.

Bercakap di majlis makan malam anjuran Persatuan Bank-Bank di Malaysia, Persatuan Syarikat-Syarikat Kewangan Malaysia dan Persatuan Bank-Bank Saudagar di Malaysia di sini malam ini, beliau berkata: "Kita telah sama-sama mengharungi banyak pengalaman. Sebelum krisis kewangan (1997-98), saya tidak langsung tahu tentang kewangan."

Selepas krisis kewangan, banyak perubahan berlaku dalam sektor perbankan serta dalam struktur dan cara bagaimana para jurubank menjalankan perniagaan.

"Saya fikir ia kerana pengalaman kita, kita menjadi manusia yang lebih baik dan para jurubank telah banyak belajar daripada pengalaman sukar (ketika krisis kewangan).

"Kita hendak katakan 'ia telah berakhir' tetapi malangnya, saya fikir dunia telah menjadi 'agak gila' dan tiada siapa tahu apa yang akan berlaku," kata Dr Mahathir yang juga menteri kewangan. -- BERNAMA

MAS SHY JR